

WEF beri tumpuan isu

UM - 2 FEB 2002

Daripada OTHMAN MOHAMAD

NEW YORK — Lokasi persidangan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di New York, yang pertama diadakan di luar Davos, Switzerland sejak 32 tahun, dianggap tepat kerana keganasan yang menular kepada masalah ekonomi dunia sebenarnya tercetus di sini.

Pertemuan lima hari 43 pemimpin politik dan perdagangan dunia bermula semalam di Hotel Waldorf-Astoria — pertemuan terbesar para pemimpin selepas tragedi 11 September tahun lepas yang meranapkan dua menara Pusat Dagangan Dunia — dijangka memberi tumpuan sepenuhnya kepada soal keselamatan dan menangani keganasan sejagat serta usaha menjana semula pertumbuhan ekonomi dunia yang kini diancam ke-melesetan.

Tempat yang wajar serta lokasi rentetan keganasan yang bermula daripada tragedi 11 September ditambah masalah ekonomi Amerika Syarikat (AS) termasuk kejatuhan syarikat tenaga gergasinya, yang banyak mempengaruhi persekitaran dunia, pasti akan menjadikan pertemuan kali ini lebih serius.

FOKUS

Peningkatan pemimpin kepada 43 orang berbanding 17 orang sahaja pada tahun lepas di Davos, sudah cukup menunjukkan minat dunia untuk mengatasi sebaik mungkin masalah-masalah yang mengancam semua negara itu.

Bagi memastikan kelancaran WEF, pihak berkuasa New York awal-awal lagi telah mengambil langkah berjaga-jaga. Kira-kira 40,000 anggota polis diletakkan dalam keadaan bersiap sedia sejak Selasa lagi.

Kawasan sekitar hotel persidangan WEF serta hotel-hotel penginapan para pemimpin dan para pegawai sokongan diawasi oleh polis 24 jam. Jalan-jalan masuk ke kawasan berkenaan ditutup kepada kenderaan manakala orang ramai yang memasukinya disaring.

Penghadang konkrit dan besi digunakan manakala kenderaan polis memenuhi kawasan tersebut.

keselamatan, keganasan sejagat



Pihak berkuasa New York pastinya tidak mahu melihat suasana tunjuk perasaan ganas seperti berlaku di Seattle ketika berlangsungnya persidangan Pertubuhan Ekonomi Dunia (WTO) pada tahun 1999 serta mesyuarat Kumpulan 8 di Genoa tidak lama dahulu.

Apatah lagi ketika kumpulan antiglobalisasi, Another World is Possible, yang beranggapan WEF menjadi tempat sesetengah negara untuk 'melobi menambah keka-yaan, bukannya untuk mengatasi masalah

sejagat', merancang untuk berarak ke Hotel Waldorf-Astoria.

Satu lagi pertubuhan, Greenpeace, yang dinafikan daripada menyertai panel industri automotif telah pun memutuskan untuk memulakan persidangan tersebut.

Realiti

Sungguh pun begitu, pertemuan itu pastinya memaksa seluruh pemimpin terbabit melihat kepada realiti dan mencari kaedah terbaik untuk mengatasi masalah-masalah sejagat itu.

Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke persidangan WEF ini pula memberi satu lagi peluang terbaik kepada Malaysia untuk memperjelaskan dasar serta pendirian berhubung pelbagai perkara termasuk ekonomi dan keganasan.

Dr. Mahathir yang dilihat sebagai pemimpin dunia Islam contoh, dijangka menggunakan persidangan ini sebagai platform untuk memperbetulkan tanggapan beberapa pihak termasuk media barat terhadap Malaysia dan Islam.

Beliau dijangka menyampaikan ucapan

bertajuk *Peranan Islam Dalam Negara Moden* pada Ahad.

Perubahan lokasi dari Davos — tempat golongan kaya bercuti semasa musim sejuk — ke New York, lokasi yang tercetus segala punca masalah dunia, akan menjadikan semua pemimpin berkenaan lebih serius serta melihat realiti demi mencari penyelesaian yang berkekalan.

Dr. Mahathir pernah menekankan bahawa segala masalah termasuk isu keganasan sejagat perlu dilihat pada asal usul masalah itu secara telus supaya ia dapat diubahi sebaik mungkin.

Selain menghadiri persidangan WEF ini, Dr. Mahathir dijangka mengambil peluang untuk menarik lebih banyak pelabur ke Malaysia.

Beliau dijadualkan mengambil kesempatan semasa berada di sini untuk menemui komuniti perdagangan dan perindustrian AS serta menyampaikan ucapan bertajuk *Mengekalkan Kestabilan Ekonomi dan Politik di tengah-tengah Pergolakan Serantau dan Ketidaktentuan Sejagat: Pengalaman Malaysia* pada Isnin. — *Utusan*